



23 MAY, 2026

## Program SuRIA Home bantu rakyat pasang sistem solar kediaman

Utusan Malaysia, Malaysia



# Program SuRIA Home bantu rakyat pasang sistem solar kediaman

**PUTRAJAYA:** Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melancarkan program Sustainable Rebate & Incentive Assistance (SuRIA) Home bagi menggalakkan pemasangan sistem solar domestik menerusi pemberian rebat sehingga RM3,000.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, pelaksanaan program itu merupakan sebahagian daripada langkah kerajaan dalam membantu rakyat menghadapi cabaran krisis bekalan global (KBG) berikutan peningkatan kos tenaga dan ketidakstabilan pasaran tenaga global akibat konflik geopolitik di Asia Barat, di samping mempercepatkan agenda peralihan tenaga negara.

“Bagi membantu rakyat dalam menghadapi krisis bekalan global dalam sektor tenaga akibat daripada konflik di Asia Barat, saya dengan sukacita mengumumkan rebat solar di bawah program SuRIA.

“Kementerian akan melancarkan inisiatif SuRIA Home di mana pengguna domestik yang memasang sistem Solar Program Tindakan Peralihan Dipercepatkan (ATAP) dan memenuhi kriteria kelayakan boleh menerima rebat sebanyak RM600 bagi setiap 1kWac pemasangan solar sehingga maksimum RM3,000 bersa-



**FADILLAH Yusof (tengah)** melancarkan inisiatif Sustainable Rebate & Incentive Assistance (SuRIA) Home pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) di Putrajaya, semalam.

maan 5kWac.

“Program ini dijangka memberi manfaat kepada antara 45,000 hingga 50,000 rumah dengan kapasiti solar terkumpul sekitar 250MW, sekali gus memperluas penggunaan solar bumbung kediaman di seluruh negara,” katanya ketika melancarkan inisiatif Sustainable Rebate & Incentive Assistance (SuRIA) Home pada Majlis Perhimpunan Bulanan PETRA bulan Mei 2026 di sini.

Program SuRIA Home akan dibuka kepada pemasangan solar di bawah program Solar ATAP yang mula beroperasi bagi tempoh sehingga 31 Disember 2026 atau sehingga kuota 250MW dipenuhi yang mana terdahulu.

Pelaksanaan rebat pula akan bermula pada 1 Jun ini dan tertakluk kepada prinsip ‘first come, first served’ dengan sejumlah RM150 juta diperuntukkan bagi inisiatif rebat solar SuRIA Home.